

## **BAB PERTAMA**

### **1.0 PENGENALAN**

Bahasa Arab adalah bahasa al-Quran dan Hadis. Ia juga merupakan bahasa yang dipakai untuk membukukan segala hasil penulisan pelbagai disiplin ilmu pengetahuan pada masa silam. Bahasa Arab telah berjaya meletakkan dirinya sebagai satu bahasa yang diiktiraf oleh dunia antarabangsa selari dengan kemajuan dan pembangunan Islam pada masa kini walaupun secara keseluruhannya, kedudukan bahasa Arab pada masa kini belum lagi mencapai tahap penguasaan bahasa Inggeris khususnya dalam konteks perhubungan antarabangsa.

Di Malaysia, bahasa Arab merupakan sebahagian dari bahasa asing bagi rakyat negara ini. Ia adalah bahasa yang jarang didengar dan dituturkan dalam masyarakat Malaysia mahupun digunakan di media-media cetak atau elektronik, melainkan bagi mereka yang mengambil pengkhususan bahasa Arab atau mengikuti kelas bahasa Arab di peringkat menengah dan institusi pengajian tinggi.

Di Universiti Malaysia Sabah, bahasa Arab merupakan salah satu bahasa asing yang diajar di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB). Ia dipelajari oleh pelajar-pelajar yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat tidak mengira etnik dan agama. Bahasa Arab mula diperkenalkan di Universiti ini pada tahun 1997. Kursus Bahasa Arab ditawarkan secara elektif, di mana pelajar-pelajar yang tidak mempunyai asas dalam

bahasa Arab dibolehkan mengambil kursus tersebut tanpa mengira bangsa, etnik dan agama. Kursus ini mempunyai tiga tahap iaitu tahap satu, tahap dua dan tahap tiga. Pelajar-pelajar diwajibkan mengambil ketiga-tiga tahap ini dan lulus kesemua tahap tersebut untuk melengkapkan kursus yang diambil di peringkat sekolah. Pelajar yang gagal tidak dibenarkan mengikuti tahap seterusnya dan dikehendaki mengulang semula kursus tersebut sehingga lulus dalam peperiksaan.

## **1.1 DEFINISI TAJUK**

Tajuk tesis pengkaji ialah “Penyediaan dan Penilaian Modul Asas Bahasa Arab Untuk Pelajar Universiti”. Di sini, pengkaji akan mendefinisikan setiap perkataan yang terdapat dalam tajuk di atas:

1. ‘Penyediaan’: Merujuk Kamus Dewan (2002:895), istilah penyediaan berasal dari perkataan sedia yang bermaksud siap. Penyediaan bermaksud penyiapan dan pelengkapan. Yang dimaksudkan di sini ialah penghasilan atau pembinaan.
2. ‘Penilaian’ : Merujuk Kamus Dewan (2002:930), istilah Penilaian berasal dari perkataan nilai yang bermaksud darjat, kualiti, mutu, taraf. Penilaian bermaksud perihal atau perbuatan menilai (pentaksiran).
3. ‘Modul’ : Menurut Kamus Dewan (2002:895), istilah modul bermaksud pelajaran yang dapat dilaksanakan secara tersendiri ke arah pencapaian sesuatu kelayakan atau kemahiran. Pengkaji menggunakan istilah modul kerana modul yang pengkaji sediakan melalui penyelidikan ini terdiri daripada siri pelajaran bahasa Arab yang sesuai untuk pelajar-pelajar yang tidak mempunyai asas dalam bahasa tersebut.

4. 'Asas' : Menurut Kamus Dewan (2002:67), perkataan asas bererti alas, dasar dan tapak. Ia juga bermaksud sesuatu yang menjadi sandaran atau pendukung kepada sesuatu yang lain. Yang dimaksudkan oleh pengkaji ialah tahap atau peringkat asas. Jika digabungkan perkataan 'asas' dengan 'modul', ia menjadi 'modul asas' yang membawa maksud 'modul tahap asas' atau 'modul peringkat asas'.
5. 'Bahasa Arab' : Yang dimaksudkan oleh pengkaji di sini ialah bahasa Arab *fuṣṣḥa* (*standard*).
6. 'Untuk' : Menurut Kamus Dewan (2002:1524), perkataan untuk bererti guna, bagi dan buat. Ia juga bermaksud ditentukan atau disediakan bagi.
7. 'Pelajar' : Menurut Kamus Dewan (2002:18), istilah pelajar bermaksud orang yang belajar atau orang yang mengaji. Ia juga membawa maksud orang yang menyelidiki ilmu.
8. 'Universiti' : Menurut Kamus Dewan (2002:1523), istilah universiti bermaksud institusi atau pusat pengajian tinggi yang memberikan ilmu dalam pelbagai bidang, menjalankan penyelidikan ilmiah, dan menganugerahkan pelbagai peringkat ijazah. Universiti yang dimaksudkan oleh pengkaji di sini ialah Universiti Malaysia Sabah yang terletak di Telok Sepangar, Kota Kinabalu, Sabah. Singkatannya ialah 'UMS'.

## **1.2 PERNYATAAN MASALAH**

Terdapat pelbagai modul pengajaran bahasa Arab yang digunakan di Malaysia sama ada

di sekolah, pusat pengajian bahasa, institusi pengajian tinggi dan sebagainya. Bagi institusi pengajian tinggi, modul yang digunakan dalam pengajaran bahasa Arab kebiasaannya adalah modul yang dicipta dan ditulis oleh tenaga pengajar institusi tersebut. Contohnya di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kolej Islam Melaka (KIM) dan institusi-institusi pengajian tinggi yang lain yang menggunakan modul sendiri dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Universiti Malaysia Sabah adalah antara institusi pengajian tinggi yang menawarkan kursus bahasa Arab sebagai kursus elektif kepada semua pelajar dari pelbagai bidang dan aliran dengan syarat mereka tidak mempunyai asas dalam bahasa Arab. Ada di antara mereka bukan beragama Islam, seperti pelajar-pelajar Cina, India, Murut, Sungai, Iban, Kadazandusun, Sino Kadazan dan sebagainya. Semua mereka yang mengambil kursus bahasa Arab adalah diwajibkan lulus dalam kursus tersebut.

Ketika menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam kelas, pengkaji mendapati pelajar-pelajar menghadapi berbagai-bagai kesukaran dan masalah dalam mempelajari bahasa Arab kerana tidak ada satu modul asas khas untuk mereka yang tidak mempunyai asas bahasa Arab malah ada yang langsung tidak mengenali huruf Arab apatah lagi bacaan dan tulisannya.

Memandangkan keadaan mereka yang tidak mempunyai asas dalam bahasa Arab malah ada yang langsung tidak mengenali huruf dan tulisan Arab khususnya bagi pelajar-pelajar bukan Islam, serta masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka dalam

mempelajari bahasa Arab, maka satu modul asas bahasa Arab khusus untuk mereka harus diperkenalkan agar mereka boleh mengikuti dan mempelajari bahasa Arab dengan mudah dan dapat menambahkan minat mereka mempelajari bahasa Arab. Menurut Dr. ‘Abd al-Hamîd ‘Abdullah dan Dr. Nâsir ‘Abdullah al-Ghâlî (1991:7), modul pembelajaran dapat membekalkan pelajar ilmu yang diinginkan seperti mana memberikan mereka pengalaman-pengalaman, maklumat-maklumat dan hakikat yang berlaku yang dapat menyuburkan kemampuan mereka.

Modul yang akan dicipta oleh pengkaji nanti akan mengambil kira keperluan dan tahap penguasaan pelajar dalam bahasa Arab selepas menjalankan kajian terhadap keperluan penyediaan modul melalui soal selidik pertama yang dijalankan kepada pelajar-pelajar Universiti Malaysia Sabah.

Kajian ini sangat perlu dijalankan kerana melalui kajian yang dijalankan oleh pengkaji mendapati pelajar-pelajar sangat memerlukan satu modul asas bahasa Arab untuk digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sesuai dengan tahap dan latar belakang pembelajaran bahasa Arab mereka. Sebaliknya, jika kajian ini tidak dijalankan, akan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab menjadi bertambah sukar dan pelajar-pelajar tidak berpeluang mempelajari asas kemahiran bahasa Arab dengan lebih baik dan sempurna, malah tanggapan mereka sebelum ini bahawa bahasa Arab adalah bahasa yang susah dipelajari, akan terus kekal dalam fikiran mereka.

Setakat ini, belum ada lagi modul asas bahasa Arab yang sesuai untuk kegunaan pelajar-pelajar Universiti Malaysia Sabah yang terdiri dari pelbagai jurusan, etnik dan

agama yang dapat menarik minat mereka terus mempelajari bahasa Arab dan dapat memberi peluang kepada mereka menguasai asas kemahiran bahasa Arab iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis dengan lebih mudah dan lebih berkesan.

Melalui pengalaman inilah mendorong pengkaji menjalankan kajian ini. Pengkaji mendapati kebanyakan modul bahasa Arab yang digunakan di Malaysia dari dahulu hingga kini adalah ditulis oleh orang-orang Arab dan hanya sesuai digunakan oleh mereka yang mempunyai asas kukuh dalam bahasa Arab atau sesuai bagi mereka yang belajar di sekolah-sekolah aliran Arab atau pengkhususan bahasa Arab di institusi-institusi pengajian tinggi. Kita tidak menafikan terdapat juga modul-modul bahasa Arab yang ditulis oleh orang Malaysia, namun modul tersebut hanya sesuai digunakan untuk mereka yang mempunyai asas yang kukuh dalam bahasa Arab dan tidak begitu sesuai digunakan untuk mereka yang baru mengenali bahasa Arab dan yang tidak mempunyai pengetahuan langsung tentang bahasa Arab. Begitu juga kita tidak menafikan terdapat modul-modul bahasa Arab di institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia yang dikarang oleh tenaga pengajar institusi-institusi berkenaan, tetapi modul tersebut hanya digunakan di institusi-institusi tersebut, kerana setiap institusi pengajian tinggi mempunyai modul sendiri.

Sebagai seorang tenaga pengajar di Universiti Malaysia Sabah dan yang bertanggungjawab dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di universiti ini serta mengenali masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar dalam mempelajari bahasa Arab serta keperluan mereka dalam meningkatkan dan menguasai bahasa Arab, maka amat sesuaiilah pengkaji menyediakan satu modul asas khusus untuk pelajar-pelajar universiti ini yang lebih mudah dan sesuai dengan kemampuan mereka dan keperluan semasa. Namun, modul yang telah disediakan itu perlu dilakukan penilaian dahulu untuk melihat kewajaran

dan keperluan pelajar.

### **1.3 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini amat penting kerana bahasa Arab adalah antara bahasa yang diguna pakai di peringkat antarabangsa. Sudah sewajarnya masyarakat umum yang terdiri dari pelbagai bidang dan aliran, termasuk mereka yang bukan beragama Islam mempelajari bahasa ini untuk mengetahui dan memahami bahasa tersebut. Di Universiti Malaysia Sabah (UMS), pelajar-pelajar yang mengambil bahasa Arab sebagai elektif terdiri daripada mereka yang tidak mempunyai asas bahasa Arab, termasuk dalam kalangan mereka yang bukan beragama Islam, sama ada dalam keadaan terpaksa ataupun kerana minat mempelajari bahasa tersebut untuk menambahkan pengetahuan kepelbagaian bahasa.

Keduanya, untuk menarik minat pelajar-pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Arab dan yang bukan beragama Islam mempelajari bahasa Arab dengan baik dan mudah serta memperkembangkan bahasa Arab sebagai bahasa komunikasi antarabangsa, maka satu modul khas perlu disediakan untuk mereka dengan menggunakan kaedah-kaedah tertentu yang bersesuaian dengan kemampuan dan kebolehan mereka.

Walaupun, modul tersebut perlu dilakukan penilaian terlebih dahulu untuk memastikan keberkesanan dan keupayaannya dalam pembelajaran bahasa Arab.

Setakat ini, belum ada satu modul asas bahasa Arab yang lebih sesuai khusus untuk membantu pelajar-pelajar UMS mempelajari bahasa Arab. Dengan terciptanya

modul ini nanti, lebih ramai lagi pelajar-pelajar Universiti ini termasuk yang bukan beragama Islam akan mengikuti dan mempelajari bahasa Arab dan dapat menjadikan bahasa Arab di antara bahasa yang diminati dan dapat mengelakkan tanggapan negatif sesetengah pihak bahawa bahasa Arab adalah bahasa yang paling susah dan bahasa Arab untuk orang-orang yang mengkhusus dalam bahasa Arab sahaja.

#### **1.4. OBJEKTIF**

Kajian ini mempunyai beberapa objektif penting, antaranya ialah;

1. Menenal pasti kaedah-kaedah penyediaan modul asas bahasa Arab untuk kegunaan dalam pengajaran dan pembelajaran.
2. Merangka panduan-panduan khusus bagi proses penyediaan dan penilaian modul pembelajaran bahasa Arab di peringkat asas.
3. Mencipta satu modul asas bahasa Arab yang sesuai untuk pelajar-pelajar Universiti Malaysia Sabah.
4. Membuat penilaian terhadap modul yang telah disediakan.

#### **1.5 SOALAN KAJIAN**

Berdasarkan objektif kajian di atas, berikut dikemukakan soalan-soalan kajian.

1. Apakah kaedah-kaedah penyediaan modul asas bahasa Arab untuk kegunaan dalam pengajaran dan pembelajaran?
2. Apakah panduan-panduan khusus dalam proses penyediaan dan penilaian modul pembelajaran bahasa Arab di peringkat asas?



3. Apakah keperluan mencipta satu modul asas bahasa Arab untuk pelajar-pelajar Universiti Malaysia Sabah?
4. Apakah penilaian yang dilakukan terhadap modul yang telah disediakan?

## **1.6 BATASAN KAJIAN**

Kajian ini terbatas kepada penilaian modul asas bahasa Arab untuk pelajar-pelajar UMS. Namun proses penilaian itu juga perlu bermula dengan kerja-kerja penyediaan modul terlebih dahulu, kerana proses penilaian adalah bertujuan untuk melihat keberkesanan teori yang diguna pakai dalam modul yang disediakan. Modul yang akan dicadangkan oleh pengkaji dalam kajian ini khusus untuk pelajar UMS yang terdiri dari pelbagai bidang, etnik dan agama yang tidak mempunyai asas dalam bahasa Arab. Modul ini akan memberikan penekanan kepada empat kemahiran utama iaitu, Kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis di samping penggunaan unsur-unsur fonologi dan sintaksis secara asas dan mudah bagi membolehkan pelajar-pelajar UMS dapat mengaplikasikannya dalam pertuturan, bacaan dan penulisan mereka. Pelajar-pelajar juga diberikan pelbagai latihan pengukuhan. Penggubalan modul ini terbatas kepada modul pembelajaran bahasa Arab tahap satu sahaja iaitu bertujuan untuk dijadikan modul rintis kepada modul-modul lain.

## **1.7 METODOLOGI KAJIAN**

Berdasarkan tajuk yang dipilih, kajian ini akan menggabungkan antara Kajian Perpustakaan dan Kajian Lapangan.

### 1.7.1 Kajian Perpustakaan

Kajian Perpustakaan dimulakan dengan melakukan penyelidikan terhadap bahan-bahan rujukan yang berkaitan kaedah-kaedah penyediaan modul asas pengajaran bahasa Arab dan bahasa Inggeris di perpustakaan. Modul-modul pengajaran bahasa Arab yang sedia ada dan sedang digunakan di Malaysia akan dianalisa untuk mengenalpasti pendekatan yang bakal diaplikasi dalam modul pengkaji nanti.

Menurut Gay (2000) kajian kualitatif bertujuan untuk mengetahui secara mendalam tentang satu situasi serta memperkayakan pengetahuan mengenai cara (bagaimana) dan kenapa sesuatu terjadi. Gay & Airasian, 2003; Gay, 2000; Frankel & Norman, 1996, menyatakan terdapat beberapa situasi dalam penyelidikan itu yang dijawab dengan baik melalui kaedah penyelidikan kualitatif.

Kajian Perpustakaan merupakan kaedah kualitatif yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini di samping menggunakan kajian lapangan. Pengkaji telah menjalankan kajian kepustakaan (*library research*) di beberapa buah perpustakaan bagi mendapatkan bahan-bahan rujukan dan maklumat berkaitan dengan kajian pengkaji. Antara perpustakaan-perpustakaan yang dikunjungi ialah:

1. Perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
2. Perpustakaan Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
3. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
4. Perpustakaan Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

5. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah.
6. Pusat Sumber Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.
7. Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah.
8. Perpustakaan Tun Fuad Stephent, Kota Kinabalu, Sabah.

### **1.7.2 Kajian Lapangan**

Kajian Lapangan pula bermula sebelum modul ini disiapkan dan selepas pelaksanaan modul, iaitu dengan menjalankan dua tinjauan menerusi soal selidik, kerana kajian ini memerlukan eksperimentasi. Kedua-dua soal selidik ini dibina dengan teliti setelah mengambil kira latar belakang responden dan objektif yang hendak dicapai dalam soal selidik ini, untuk memastikan kesahan isi kandungan. Menurut Black dan Champion (dalam Sidek Mohd Noah, 2002), kebolehpercayaan sesuatu ukuran didefinisikan sebagai kebolehan satu-satu alat itu secara konsisten mengukur fenomena yang hendak diukur.

Pengkaji telah menjalankan tinjauan soal selidik terhadap 100 orang pelajar yang mengambil bahasa Arab di Universiti Malaysia Sabah sebagai kursus elektif sebelum memulakan penyediaan modul pengkaji. Responden adalah terdiri daripada pelajar-pelajar tahun satu dan tahun dua dalam pelbagai jurusan dan aliran serta berlainan etnik. Sebahagian mereka bukan beragama Islam. Tinjauan pertama ini bertujuan untuk mengumpul data tentang tahap pemahaman dan masalah yang mereka hadapi dalam mempelajari bahasa Arab serta keperluan penyediaan modul asas bahasa Arab untuk pelajar-pelajar UMS. Setelah data yang diperlukan dapat dikumpul dan dianalisis, maka barulah pengkaji menjalankan tugas pengkaji untuk mengumpul dan mendapatkan

maklumat tentang penyediaan modul asas bahasa Arab yang dicadangkan oleh pengkaji.

Manakala tinjauan soal selidik yang kedua pula diedarkan kepada responden setelah proses pengajaran dan pembelajaran selesai dijalankan melalui penggunaan 'Modul Rintis'. Soal selidik yang kedua ini dijalankan adalah bertujuan untuk mendapatkan maklum balas terhadap modul pengkaji serta mendapatkan data berkaitan modul tersebut. Data yang diperolehi akan dianalisis dan dinilai untuk melihat kesesuaian dan keberkesanannya dalam pengajaran dan pembelajaran. Responden yang terlibat terdiri daripada 70 orang pelajar tahun satu yang mengambil kursus bahasa Arab di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah. Pengkaji menggunakan perisian SPSS 11 untuk menganalisis data yang diperolehi.

## **1.8 HIPOTESIS KAJIAN**

Kajian ini dijangka dapat membantu pelajar-pelajar UMS mempelajari bahasa Arab dengan baik dan mudah serta tidak merasa tertekan yang boleh membawa mereka tidak meminati bahasa Arab. Pengkaji akan cuba mempersembahkan satu teknik atau modul asas mempelajari bahasa Arab khusus untuk pelajar-pelajar UMS yang akan mencapai objektif-objektif yang telah dijelaskan sebelum ini.

Asas-asas yang dikemukakan oleh pengkaji dalam penyediaan modul asas bahasa Arab ini juga dapat dimanfaatkan oleh penulis-penulis buku bahasa Arab dalam meningkatkan minat orang ramai mempelajari bahasa Arab dengan mudah. Di samping itu, pelajar-pelajar juga dapat mempertingkatkan penguasaan mereka terhadap bahasa Arab

setelah mengikuti dan mempelajari modul asas bahasa Arab yang disediakan ini.

## **1.9 TINJAUAN KAJIAN**

Pengkaji telah melakukan tinjauan terhadap beberapa kajian yang dijalankan berkaitan dengan penyediaan modul secara umum sama ada berkaitan dengan bahasa Arab atau mata pelajaran lain. Antara kajian-kajian tersebut ialah pertama; “Modul Asas Bahasa Arab Untuk Tujuan Ibadah: Satu Analisis dan Penilaian” oleh Mohd Puzhi Usop. Tesis PhD. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, 2006. Tesis ini merupakan satu kajian terhadap modul bahasa Arab yang direka khas untuk pelajar dewasa peringkat permulaan untuk membantu mereka mempelajari keindahan bahasa Arab di samping memahami dengan baik bacaan-bacaan dalam ibadah seharian.

Kedua ialah; “Pembinaan Modul Pengajaran Sajak Berlandaskan Pendekatan Respons Pembaca” oleh Fadzilah Haji Amzah. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 2007. Kajian ini bertujuan untuk merekabentuk satu modul pengajaran sajak berlandaskan pendekatan respons pembaca. Ia juga bertujuan untuk menguji keberkesanan penggunaan modul pengajaran sajak berlandaskan pendekatan respons pembaca ke atas sekumpulan pelajar peringkat sekolah menengah.

Ketiga ialah; “Penghasilan dan Penilaian Modul Pengajaran Kendiri Nilai Semangat Bermasyarakat Untuk Pendidikan Moral Tingkatan Empat” oleh Chandrika A/P Sivadasan. Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 2003. Kajian ini bertujuan untuk menghasilkan dan menilai sebuah modul pengajaran kendiri

(MPK) dalam pengajaran topik Semangat Bermasyarakat untuk pendidikan moral tingkatan empat di sekolah menengah Tuanku Abdul Rahman, Batu Arang.

Keempat ialah; “Penghasilan dan Penilaian Modul Pengajaran Kendiri Seni Reka Grafik Untuk Pelajar-Pelajar Institut Teknologi Swasta” oleh Azlinda Ahmad. Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 2000. Penyelidikan ini dijalankan untuk menghasilkan sebuah modul pengajaran kendiri bagi pelajar dalam pembelajaran mata pelajaran tipografi.

Kelima ialah; “Penghasilan dan Penilaian Modul Pengajaran Kendiri (MPK) Bagi Klinik Pemulihan Bahasa Inggeris” oleh Rosniza Rahmat. Tesis Sarjana Pendidikan Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 1999. Kajian ini bertujuan untuk menghasilkan modul-modul pengajaran kendiri untuk kegunaan klinik pemulihan Bahasa Inggeris Sekolah Menengah Teknik, Kuala Lumpur, Klawang.

Pengkaji juga telah menjalankan tinjauan terhadap beberapa modul yang boleh dijadikan sebagai panduan utama dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab untuk penutur bukan Arab. Di antaranya ialah, “*Min Diya’ al-Lughah al-‘Arabiyyah*” susunan tenaga pengajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang terdiri dari Dr. Fuad Mahmud Ruwash, Dr. Mahdi Mas`ud, Dr. Wan Mat Sulaiman dan Dr. Rahmat Abdullah. Buku ini dikarang khusus untuk pelajar-pelajar matrikulasi aliran sains di UIAM. Buku ini memberi penekanan kepada kemahiran bahasa, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Ia juga ditulis khas untuk penutur bukan Arab. Buku ini disusun dalam dua buku yang merangkumi pelbagai aspek pembelajaran

bahasa Arab.

Kedua ialah; “*Ta’līm al-Lughah al-‘Arabīyah Li al-Nātiqīn bighairihā*” susunan tenaga pengajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang terdiri daripada Mahmud Margani Isawi (ketua), Hassan Hajjaj, Adil Mahdi, Mazli Malik Tabib, al-Dhau al-Nur, Mohammad Sabri Shahrir dan Wan Rahiman Wan Hussin. Buku ini disediakan untuk pelajar-pelajar matrikulasi di UIAM khusus bagi aliran sastera. Ia juga ditulis khusus untuk penutur bukan Arab. Buku ini memberi penekanan kepada kemahiran bahasa, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Buku ini disusun dalam empat modul yang merangkumi pelbagai aspek dalam pembelajaran bahasa Arab.

Ketiga ialah; “*Elementary Modern Standard Arabic*”, karangan Pater F. Abboud, Zaki N. Abdel Malek, Najm A. Bezirgan, Wallace M. Erwin, Mounah A. Khouri, Ernest N. McCarus, Raji M. Rammuny dan George N. Saad. Editor buku ini ialah Peter E. Abboud (*Professor of Arabic University of Texas, Austin*) dan Ernest N. McCarus (*Professor of Arabic, University of Michigan*). Buku ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian awal dalam bahagian pertama buku ini sesuai untuk dijadikan panduan pengkaji dalam penyediaan modul, kerana ia menerangkan tentang kaedah mempelajari bahasa Arab bermula dari peringkat awal lagi seperti mengenal huruf Arab, cara menulis, cara menyebut dan membaca seterusnya menyusun perkataan dan ayat di samping pengenalan kepada perbualan yang ringkas. Buku ini juga menggunakan kaedah transliterasi untuk memudahkan pelajar menyebut perkataan Arab.

Keempat ialah; “*al-‘Arabīyah li al-Nāshī’in*” karangan Mahmūd Ismāīl, Nāsif Mustafā ‘Abd al-‘Azīz dan Mukhtār Tāhir Husayn. Buku ini dahulunya digunakan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, tetapi sekarang buku ini sudah tidak digunakan

lagi di universiti tersebut. Buku ini mengandungi enam modul yang merangkumi pelbagai aspek dalam pembelajaran bahasa Arab.

Kelima ialah buku “*al-Lughah al-‘Arabīyyah Li al-Mustawā al-Awwal*”, karangan lapan orang tenaga pengajar bahasa Arab di Universiti Putra Malaysia yang terdiri dari Abd. Rauf Hj. Hassan, Mohd. Azidan Abd. Jabar, Zulkifli Ismail, Pabiah Hj. Maming, Ahmad Hj. Hasbullah, Mohd. Fauzi Jumingan, Che Radiah Mezah dan Reha Mustafa. Buku ini juga sesuai dijadikan panduan dalam penyediaan modul asas bahasa Arab untuk pelajar-pelajar kerana ia menggunakan kemahiran bahasa dan sintaksis yang mudah dalam mempelajari bahasa Arab.

Buku keenam ialah “*Kitāb al-Lughah al-‘Arabiyyah (1)*” karangan Dr. Haji Mohammad bin Seman, Mat Taib bin Pa, Ahmad Syukri bin Musa, Mohammad Nizam bin Wahab, Suzana binti Othman, Zaitun binti Mustafa dan Zalina binti Abdul Majid. Buku ini digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Kolej Teknologi Islam Melaka. Ia merangkumi pelbagai aspek dalam pembelajaran bahasa Arab. Ia juga ditulis khas untuk penutur bukan Arab.

Buku ketujuh ialah buku “*Al-Rā'id*” susunan tenaga pengajar UiTM yang terdiri dari Ahmad Thalal Hassan, Ahmad Salleh, Muhd Arsyad Abdul Majid, Ibrahim Abdullah, Muhammad Yusoff, Janudin Sardi, Norhayuza Mohamad, Sahabudin Salleh, Naimah Abdullah dan Ghazali Yusri Abd Rahman. Buku ini disediakan untuk pelajar-pelajar UiTM dalam peringkat Ijazah Sarjana Muda. Buku ini memberi penekanan kepada kemahiran bahasa menerusi kaedah komunikasi. Buku ini disusun dalam tiga



modul yang merangkumi pelbagai aspek pembelajaran bahasa Arab. Buku ini juga menggunakan kaedah transliterasi dalam pengajaran dan pembelajaran.

Modul yang akan dirangka dan disusun oleh pengkaji nanti akan mengambil kira latar belakang dan penguasaan pelajar dalam bahasa Arab terutamanya mereka yang tidak mempunyai asas langsung dalam bahasa Arab seperti pelajar-pelajar bukan Islam. Pengkaji akan menggunakan dua pendekatan dalam modul ini iaitu menggunakan terjemahan bahasa Melayu dan menggunakan transliterasi bagi membantu pelajar mempelajari bahasa Arab dengan lebih mudah dan berkesan.

Adalah diharapkan modul ini dapat memberi manfaat dan kemudahan kepada pelajar-pelajar Universiti Malaysia Sabah yang terdiri dari pelbagai jurusan dan pelbagai etnik dan agama, supaya mereka dapat mengikuti dan mempelajari bahasa Arab dengan mudah dan berkesan.

## **1.10 RANGKA KAJIAN**

Pengkaji membahagikan tesis ini kepada enam bab utama. Setiap bab dimulakan dengan pengenalan dan diakhiri dengan penutup.

Bab pertama merupakan penerangan tentang pengenalan, pernyataan masalah yang menjadi pendorong kepada pengkaji menjalankan kajian ini, kepentingan kajian, objektif-objektif kajian, batasan kajian, metodologi kajian, tinjauan kajian berkaitan dan rangka kajian.

Bab kedua menyentuh tentang teori-teori asas penyediaan modul bahasa Arab. Pengkaji menjalankan kajian perpustakaan untuk mengumpul dan mendapatkan isi-isi penting yang dimuatkan dalam bab ini. Pandangan dan pendapat pakar-pakar dalam penyediaan modul bahasa Arab dan bahasa Inggeris juga akan dibincangkan dalam bab ini.

Bab ketiga akan membincangkan tentang tinjauan terhadap keperluan menyediakan modul pengkaji sebelum membicarakan tentang asas-asas penyediaan modul ini. Pengkaji akan mengemukakan dapatan dari analisis terhadap soal selidik yang telah dijalankan oleh pengkaji ke atas kira-kira 100 orang responden iaitu pelajar-pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang mengambil kursus bahasa Arab sebagai kursus elektif di UMS. Pengkaji telah menganalisis semua maklumat yang dikumpul daripada soal selidik yang diedarkan dan memberikan penilaian yang sepatutnya. Hasil daripada analisis soal selidik tersebut dijadikan panduan dan diambil kira sebagai keperluan dalam penyediaan 'Modul Asas Bahasa Arab Untuk Pelajar Universiti Malaysia Sabah'.

Seterusnya pengkaji mengemukakan konsep penyediaan 'Modul Asas Bahasa Arab Untuk Pelajar Universiti Malaysia Sabah' dalam bab seterusnya iaitu bab keempat. Pendekatan yang digunakan oleh pengkaji dalam penyediaan modul ini telah diperjelaskan. Di samping itu, tajuk-tajuk pelajaran, bentuk-bentuk latihan, kaedah pengajaran dan penilaian juga telah dijelaskan dalam bab ini.

Bab kelima merupakan analisis data dan penilaian terhadap dapatan yang diperolehi melalui soal selidik pelajar yang mempelajari modul rintis sebagai bahan pembelajaran. Seramai 70 orang pelajar yang mengambil kursus bahasa Arab di Pusat

Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah telah dipilih mengikuti modul tersebut. Pengkaji telah mengedarkan soal selidik kepada mereka untuk mendapatkan maklumat dan maklum balas terhadap modul rintis yang mereka pelajari. Hasil analisis soal selidik pelajar akan dapat mengenal pasti kesesuaian dan keberkesanan modul ini.

Bab keenam adalah rumusan dan cadangan yang dikemukakan oleh pengkaji hasil daripada kajian dan modul yang disusun oleh pengkaji. Bab ini juga diakhiri dengan kesimpulan dan penutup kajian ini.

## **1.11 PENUTUP**

Pengkaji telah melengkapkan tesis ini menerusi penyusunan bab secara tersusun berdasarkan pemilihan isi kandungan setiap bab. Secara keseluruhannya bab pertama merupakan latar belakang tesis pengkaji. Ia menjadi rangka kerja utama dan menjadi panduan kepada pengkaji untuk melengkapkan dan menyiapkan tesis ini dengan sebaik yang mungkin mengikut tempoh masa yang dirancang.

Seterusnya diikuti oleh bab berikutnya, iaitu bab kedua, bab ketiga, bab keempat, bab kelima dan yang akhirnya bab keenam. Dengan tersusunnya keenam-enam bab ini berserta dengan isi kandungannya yang lengkap, maka terhasillah tesis pengkaji ini yang menjadi harapan pengkaji agar ia dapat membantu menyelesaikan masalah ketidakwujudan modul asas bahasa Arab di Universiti Malaysia Sabah dan dapat memberi nafas baru dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di universiti ini

serta dapat menarik minat pelajar-pelajar untuk mempelajari bahasa Arab dengan baik dan mudah tanpa sebarang masalah dan tanggapan negatif terhadap bahasa Arab.